

# Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi oleh Adat dan Kedaerahan

## *The Design of the Negeri Sembilan Traditional House that is Influenced by Customs and Regional Factors*

Noor Hayati Ismail<sup>1\*</sup>, Shahrul Kamil Yunus<sup>2</sup> and Mastor Surat<sup>3</sup>

<sup>1,3</sup>*Faculty of Engineering and Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA*

<sup>2</sup>*Department of Engineering, Politeknik Port Dickson, MALAYSIA*

\*Corresponding author: [nhayatiismail69@gmail.com](mailto:nhayatiismail69@gmail.com)

**Published online:** 15 November 2016

**To cite this article:** Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus and Mastor Surat. 2016. Reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan dipengaruhi oleh adat dan kedaerahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15: 113–136. <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.5>

**To link to this article:** <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.5>

### ABSTRAK

*Keunikan reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan melambangkan masyarakat adat perpatih atau sistem kekerabatan matrilineal yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Selain itu, reka bentuk bumbung panjang yang lentik dengan kedua-dua hujung bumbungnya naik ke atas sedikit telah menjadi identiti seni bina di Negeri Sembilan yang tersendiri. Adat perpatih dan faktor kedaerahan telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional ini. Namun keaslian konsep dan falsafah reka bentuk seni bina rumah ini sering dikatakan menyamai reka bentuk rumah adat di Minangkabau. Oleh itu, penyelidikan dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dan menganalisis beberapa rumah yang terdapat di Sumatera Barat, Indonesia dan Negeri Sembilan, Malaysia. Kajian ini*

*akan melihat kepada evolusi reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau. Lokasi kajian melibatkan beberapa buah kampung iaitu rumah-rumah tradisional di Padang, Bukit Tinggi, Kampar Kiri, di Sumatera Barat, Indonesia dan Rembau, Kuala Pilah, Tampin di Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Kata kunci:** *adat perpatih, sistem kekerabatan matrilineal, kedaerahan dan Minangkabau.*

## **ABSTRACT**

*The unique design of Negeri Sembilan traditional houses represents the indigenous perpatih custom or matrilineal kinship system practiced by the society in Negeri Sembilan. In fact, the design of the roof with its long tapering ends raised slightly at both sides has become the unique architectural identity of Negeri Sembilan. Although customs and regional factors have influenced the designs of the traditional houses, nevertheless the originality of the concept and philosophy of the architectural design of the house are often said to match the design of customary house in Minangkabau, Indonesia. This research aims to identify and analyse some of the differences in the traditional house designs in West Sumatera, Indonesia and Negeri Sembilan, Malaysia. This study will look at the evolution of the Negeri Sembilan traditional house design that originated from Minangkabau. Location studies involve several villages of traditional houses in Padang, Bukit Tinggi, Kampar Kiri, in West Sumatra, Indonesia and Rembau, Kuala Pilah, Tampin in Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Keywords:** *Perpatih custom, matrilineal kinship system, regional and Minangkabau*

## **PENGENALAN**

Masyarakat di Negeri Sembilan terdiri daripada penghijrahan dan kedatangan masyarakat Minangkabau. Terdapat dua kumpulan penghijrahan Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan iaitu yang datang dari daerah pedalaman Sumatera mengamalkan sistem Adat Perpatih sementara kumpulan kedua datang dari daerah persisiran Sumatera dan mengamalkan Adat Temenggung. Di samping orang Minangkabau yang menduduki Negeri Sembilan, terdapat juga etnik-etnik lain yang menetap lebih awal di Negeri Sembilan seperti orang Melayu yang menetap di sekitar Sungai Linggi, Sungai Ujong dan Rembau di mana daerah ini terletak berdekatan dengan Melaka. Orang Melayu yang menduduki kawasan tersebut merupakan penduduk kerajaan Melayu Melaka yang melarikan diri setelah Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan berlaku sewaktu Melaka dikuasai oleh Portugis. Sungai Ujong dijadikan sebagai jalan masuk ke kawasan-kawasan persekitaran serta menetap di daerah Sungai Ujong, Rembau, Nanning, Inas dan Jempol. Penawanan Melaka oleh Portugis telah menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka berpindah ke Johor. Ungkapan adat Negeri Sembilan yang berbunyi "Beraja ke Johor, Bertuan ke Minangkabau, Bertali ke Siak" membuktikan bahawa Negeri Sembilan menerima pelbagai pengaruh serta mempunyai budayanya tersendiri seperti dalam Rajah 1.

Adat merupakan satu garis panduan kehidupan yang merangkumi peraturan adab dan amalan yang diamalkan oleh sesuatu kelompok masyarakatnya di dalam menjalani kehidupan seharian. Negeri Sembilan mempunyai keunikannya tersendiri yang terletak pada adat yang diamalkan oleh masyarakatnya iaitu adat perpatih. Adat perpatih ini merupakan kehidupan seharian yang lengkap dan sistematik, mempunyai sosial dan kebudayaannya tersendiri. Adat dan kebudayaan ini sering dikaitkan dengan masyarakat Minangkabau kerana ia merujuk kepada Dato' Perpatih Nan Sebatang yang berasal dari Sumatera Barat, Indonesia seorang pengasas ideologi adat Perpatih dan pembesar di Tanah Minang kira-kira 500 tahun dahulu.



**Rajah 1** Penghijrahan dan kedatangan masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat, Indonesia ke Malaysia.

Adat perpatih merupakan satu struktur sosial yang melibatkan perhubungan dan proses-proses sosial dan ekonomi berasaskan nasab ibu sebagai dasar utama. Sehubungan dengan ini, pengaruh rumah di Negeri Sembilan dapat dilihat berlainan dengan rumah tradisional di negeri-negeri lain di mana ia mempunyai identiti yang tersendiri sebagai lambang kebudayaan masyarakatnya. Menurut Raja Nafida (2007), seni bina dan ciri-ciri reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan berkait rapat dengan adat Perpatih. Lambang keagungan sesebuah budaya masyarakat suatu ketika dahulu adalah terletak pada keunikan seni bina rumah tradisional. Menurut Norhalim (2007), pada umumnya adat bersistemkan kekerabatan matrilineal mengamalkan sistem adat yang unik dan berbeza dengan sistem adat lain. Unsur-unsur dalam sistem kekerabatan matrilineal seperti sistem ekonomi, sosial dan kepimpinan telah menjadikan kehidupan masyarakat Negeri Sembilan sebagai sebuah kehidupan yang lengkap dan sempurna. Sistem adat ini telah memberikan keharmonian dan kesejahteraan kepada masyarakat sejak ratusan tahun yang lalu dan pengaruhnya dapat dilihat pada seni bina rumah tradisional masyarakatnya hingga kini.

## **PERMASALAHAN**

Antara isu yang menjadi persoalan adalah tafsiran, istilah, kefahaman dan perspektif telah diberikan kepada rumah tradisional yang berbeza mengenai identiti reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan, Malaysia dengan Rumah Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia seperti dalam Rajah 2(a) dan (b).

Rumah tradisional Negeri Sembilan sering dikaitkan dengan rumah adat Minangkabau di Sumatera Barat. Menurut Hajeedar (2014), identiti ciri-ciri seni bina Minang pada rumah tradisional Negeri Sembilan harus diwarisi dan difahami sebagai satu identiti budaya yang bernilai, agar tidak menjadi kekeliruan kepada masyarakat. Pada satu masa yang lalu, kebanyakan masyarakat umum lebih mengenali rumah tradisional Negeri Sembilan dengan rumah Minangkabau Negeri Sembilan (Yaakub 1996; Raja Nafida 2007). Menurut Zulkifli



(a) Rumah Gadang, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia



(b) Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia

**Rajah 2** Persepsi rumah Minangkabau bergonjong dan Rumah Negeri Sembilan melentik.

(1985), reka bentuk bumbung rumah tradisional Negeri Sembilan yang melentik seakan bergonjong menyerupai bentuk rumah adat Minangkabau di Sumatera Barat. Reka bentuk fizikal secara umum rumah tradisional Negeri Sembilan dikatakan menyerupai bentuk rumah adat Minangkabau telah mempengaruhi kepada masyarakat umum. Kepebagaian jenis dan istilah telah diberikan pada rumah tradisional ini mengikut kefahaman masyarakat sendiri. Identiti asal rumah tradisional tempatan semakin dipinggirkan disebabkan oleh perubahan zaman dan pelbagai campuran budaya dalam masyarakat (Zulkifli 1985). Terkesan dari isu ini, pelbagai krisis identiti seni bina rumah tradisional telah muncul dalam kalangan masyarakat secara umum dan ahli akademik secara khusus (Kamarul Afizi 2007). Oleh itu, penyelidik telah membuat kajian reka bentuk beberapa buah rumah dari Sumatera Barat, Indonesia dengan rumah tradisional di Negeri Sembilan, Malaysia melalui evolusi dan perkembangannya.

## **OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN**

Matlamat kajian adalah untuk meneliti reka bentuk rumah Negeri Sembilan yang mempunyai seni bina rumah kesan dari pengaruh Minangkabau. Kajian penyelidikan reka bentuk adalah berdasarkan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya evolusi dan perkembangan rumah Melayu tradisional yang terdapat di Negeri Sembilan. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi reka bentuk ini adalah adat dan kedaerahan yang menyebabkan reka bentuk rumah Negeri Sembilan mempunyai identitinya yang tersendiri. Objektif kajian penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti rumah asal Minangkabau dengan rumah tradisional yang terdapat di Negeri Sembilan. Selain itu, penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dengan mengklasifikasikan rumah Minangkabau dengan rumah tradisional Negeri Sembilan. Aspek ini melibatkan kajian mengenai pengaruh adat dan kedaerahan yang mempengaruhi rumah tradisional Negeri Sembilan. Adaptasi rumah tradisional Negeri Sembilan dapat dilihat pada bumbung yang bergonjong atau reka bentuk bumbung panjang yang bersifat Minangkabau

atau mempunyai lentik yang bervariasi. Ia melambangkan keunikan masyarakat adat perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Negeri Sembilan. Kajian ini merupakan kajian pembentukan, perkembangan dan pembangunan bagi membuktikan bahawa adat dan faktor persekitaran serta kedaerahan telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan. Untuk mencapai objektif kajian, metodologi kajian berkaitan melalui pengumpulan data menerusi proses pemerhatian, literatur, temu bual dan pengambilan foto-foto yang berkaitan. Selain itu, kajian lapangan dilakukan pada reka bentuk rumah-rumah tradisional di Padang, Bukit Tinggi, Kampar, Sumatera Barat, Indonesia dan beberapa daerah di Negeri Sembilan seperti Rembau, Kuala Pilah dan Tampin. Analisa perbandingan mengenai reka bentuk rumah mengikut evolusi Minangkabau melalui gambar foto, lakaran "*sketch*" di tapak serta sesi temu bual telah dijalankan terhadap beberapa penduduk tempatan, tukang rumah dan ketua adat untuk dijadikan sebagai dokumen kajian ini.

## **ADAT DAN KEDAERAHAN**

Penghijrahan awal masyarakat Minangkabau ke Rembau pada awal abad ke-15 dan kedatangan Raja Melewar telah menambahkan lagi ramainya orang-orang Minangkabau berhijrah ke Negeri Sembilan dan menjadikan negeri kedua bagi masyarakat Minangkabau (A. Samad 1994). Penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan sedikit sebanyak telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional di Negeri Sembilan. Menurut Yaakub (1996), rumah Melayu adalah rumah tradisionalnya yang terbentuk di dalam masyarakat Melayu bersama-sama dengan evolusi kebudayaan Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun reka bentuk rumah tradisional seperti pada (Rajah 2b), telah diasimilasikan dengan budaya tempatan mengikut kesesuaian persekitaran, pengaruh budaya dan adat resam. Masyarakat kini telah menyalahertikan rumah tradisional Negeri Sembilan dengan mengatakan rumah Minangkabau atau bumbung Minangkabau seperti pada (Rajah 2a). Rumah Negeri Sembilan merupakan satu-satunya rumah bumbung panjang yang melentik di



Semenanjung Malaysia. Ciri-ciri inilah yang membezakan rumah Negeri Sembilan dengan yang lain, unik yang melambangkan keunikan masyarakat adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakatnya.

Adat bersistem nasabkan ibu atau sistem kekerabatan matrilineal merupakan sistem adat yang diamalkan oleh masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan. Sistem kekerabatan matrilineal dalam adat perpatih ini telah menjadi sistem kehidupan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan sejak dari nenek moyang ratusan tahun yang lalu (Rais 2007). Adat perpatih telah dibawa dan dikembangkan oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat yang datang bermigrasi (merantau) ke Negeri Sembilan mempunyai ciri penting dalam sistem kekerabatan matrilineal ialah hak keturunan dan pewarisan harta diserahkan kepada kaum ibu dan perempuan. Sistem seperti sosial, ekonomi dan organisasi kepimpinan merupakan ciri penting yang diutamakan dalam sistem kekerabatan matrilineal. Walau bagaimanapun, sesuatu yang unik dalam sistem kekerabatan matrilineal ini ialah kaum ibu, anak perempuan dan keturunan kaum kerabatnya telah diberi kelebihan dan keistimewaan untuk menguasai keturunan, harta pusaka, dan kekuasaan pemerintahan (Norhalim 2007).

Kebudayaan orang Melayu agak tersendiri dalam banyak perkara termasuk bahasa, adat resam, pemakaian, pemakanan, persenjataan, pertahanan diri, pengangkutan dan sebagainya. Orang Melayu berjaya membangunkan tamadunya menurut acuan tersendiri sehingga menyerlahkan identitinya dalam kalangan masyarakat antarabangsa (Mastor, Rosdan & Mohamad Tajuddin 2007). Menurut beliau lagi ramai masyarakat yang tidak mengetahui dan masih kabur dengan latar belakang rumah Melayu tradisional kerana ia dianggap usang, ketinggalan zaman dan kekampungan. Walaupun tipologinya kelihatan berbeza menurut kedaerahan tetapi konsep ruangnya adalah sama kerana berhasil menggunakan prinsip asas dan pemikiran yang sama. Faktor-faktor alam seperti iklim dan alam persekitaran merupakan faktor yang mempengaruhi bentuk seni bina rumah Melayu tradisional pada bumbungnya yang condong, cucur atap yang lebar untuk mengalirkan air hujan turun dengan cepat. Selain itu, terdapat bukaan pada lantai, dinding dan juga bumbung bagi sistem pengudaraan silang

yang baik bagi mengatasi masalah keselesaan terma. Rumah awal yang mula-mula digunakan oleh orang-orang Melayu adalah dengan bentuk bumbung panjang dan bertebat layar mengikut alam persekitaran atau kedaerahannya. Perkembangan reka bentuk dan gaya rumah Melayu seterusnya berlaku melalui proses asimilasi antara satu sama lain apabila mereka saling berhubung merentasi daerah dan kawasan kediaman mereka.

#### **ANALISA REKA BENTUK RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN**

Reka bentuk rumah tradisional Melayu boleh dilihat beberapa jenis dan tipologi di seluruh Malaysia. Setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai bentuk-bentuk rumah tradisionalnya yang tersendiri. Permasalahan rumah Minangkabau sering dikaitkan dengan rumah tradisional di Negeri Sembilan oleh masyarakat adalah disebabkan pengaruhnya yang hadir dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan. Budaya bangsa itu mempengaruhi bentuk seni binanya. Pengertian kebudayaan adalah sangat luas, merangkumi segala aspek hidup sesuatu kelompok manusia atau masyarakat, merangkumi sistem-sistem atau amalan hidup sehari-hari, sistem kepercayaan dan agama, adat istiadat, pendidikan, kesenian dan sosiopolitik masyarakat itu. (Yaakub 1996). Seni bina Melayu di semenanjung adalah di daerah Riau jelas serumpun dengan rumah-rumah tradisional suku bangsa Melayu yang lain seperti suku-suku bangsa Aceh, Minangkabau, Bugis, Banjar dan lain-lain di seluruh Kepulauan Nusantara. Faktor-faktor ini telah mempengaruhi reka bentuk awal rumah tradisional Melayu (Rajah 3) seperti bertiang serta lantai yang tinggi, bentuk bumbung panjang yang mempunyai tebat layar selain menggunakan bahan seperti kayu dan tumbuhan yang terdapat pada alam persekitarannya. Walau bagaimanapun bentuk bumbung di Negeri Sembilan yang melentik adalah pengaruh-pengaruh yang datang kemudian mengikut evolusi yang berlaku dalam pembentukan rumah tradisional pada masyarakat di Negeri Sembilan.



**Rajah 3** Reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan berumur lebih 100 tahun di Kg. Penajis Bandar, Nerasau, Rembau.

Evolusi merupakan perkembangan, pembangunan dan perubahan yang berlaku akibat faktor-faktor yang tertentu seperti faktor budaya, tempat dan juga kedaerahan. Kehidupan sesuatu tempat dan adat resam juga telah mencorakkan perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Menurut Raja Nafida (2007), evolusi merupakan pembangunan yang berlaku kepada corak kehidupan manusia, haiwan, flora dan fauna. Corak kehidupan manusia adalah pengaruh yang datangnya dari asal usul di mana berlakunya kehidupan harian. Masyarakat Minangkabau adalah etnik yang sering dikatakan orang merantau. Menurut Mochtar (2014), orang Minangkabau yang merantau sangatlah tinggi, bahkan tertinggi di Indonesia. Mereka bergerak di seluruh negara mencari kehidupan yang lebih baik, pendidikan, dan pengalaman. Melalui aktiviti merantau, masyarakat Minangkabau membawa budaya dan tradisi mereka. Apabila seseorang merantau dari tempat asal usulnya, mereka membawa budaya, adat yang diamalkan di tempat yang baru, kehidupan mereka telah berubah dan berlakunya evolusi. Adat yang diamalkan oleh orang Minangkabau adalah adat perpatih dan kebudayaan bersifat keibuan (matrilineal), masyarakat matrilineal yang terbesar di dunia di mana harta dan tanah diwariskan dari ibu kepada anak perempuan, sementara agama dan politik merupakan urusan kaum lelaki. Adat ini dikatakan yang menyebabkan tradisi ramai kaum lelaki Minangkabau sebagai perantau. Tradisi ini berhasil mendirikan beberapa masyarakat "perantau Minangkabau" di tempat-tempat lain di Indonesia hinggalah budaya dan reka bentuk kediaman telah mempengaruhi kawasan yang didiami mereka dengan mengamalkan adat serta budaya Minangkabau seperti di Kampar-Siak, Jambi, Riau dan telah membawa evolusi tipologi rumah hinggalah ke Negeri Sembilan.

Rumah Minangkabau mempunyai bumbung ditarik balik sebagai bentuk tanduk kerbau dan lebih dikenali sebagai "Rumah Gadang" serta dipanggil sebagai rumah adat kerana rumah yang dijadikan tempat menjalankan kegiatan tempat muafakat dan tempat upacara adat. Menurut Sudirman (2007), rumah adat ialah rumah yang didiami menurut aturan dan norma-norma adat yang disebut "babiliak ketek, babiliak gadang" (berbilik kecilnya, berbilik besar). Rumah gadang adalah dalam bahasa Minangkabau yang bermakna rumah besar bagi


etnik orang Minangkabau dikenali juga sebagai rumah adat Minangkabau yang mengikut sistem kekerabatan matrilineal. Menurut Sudirman (2007), seni bina tradisional Minangkabau terutama rumah gadang atau juga rumah adat dapat disebut sebagai bangunan vernakular yang lahir dari budaya masyarakat yang mengamalkan sistem kekerabatan matrilineal.

Rumah adat ini dikenali juga rumah gonjong atau "rumah bagonjong" (rumah bergonjong), kerana bentuk atapnya yang bergonjong runcing menjulang, mempunyai struktur bumbung melengkung dramatik (Rajah 4) dengan tebar layar dan rabung melengkung serta terdapat juga prinsip-prinsip tertentu dalam pembinaan rumah adat Minangkabau (Syamsul 2004). Walau bagaimanapun reka bentuk rumah Minangkabau di Kampar-Siak melalui perkembangan reka bentuk yang hampir sama dengan rumah di Negeri Sembilan rumah di seperti dalam Rajah 5. Reka bentuk rumah selain dari tipologinya ruang seperti serambi, ruang-ruang lain seperti rumah ibu (tengah rumah dan bilik) serta loteng (peran) juga terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan dan mempunyai fungsi yang sama seperti pada rumah induk dan Kampar-Siak.


Reka bentuk dan tipologi ini berlaku adalah disebabkan pengaruh dan budaya masyarakat setempat yang datang dari pelbagai unsur. Setiap struktur binaan yang dihasilkan mempunyai nilai dan falsafahnya yang tersendiri seiring dengan gaya hidup masyarakatnya. Secara umumnya, istilah atau bahasa panggilan bagi nama rumah-rumah tradisional Melayu dapat dikenal pasti mengikut bentuk elemen-elemen seni bina seperti bumbung, dan tiang (Zulkifli 1985). Menurut Raja Nafida (2007), rumah tradisional Negeri Sembilan lebih dikenali dengan Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan (Rajah 6). Pada awal sejarahnya, rumah ini lebih dikenali dengan nama rumah Minangkabau Negeri Sembilan. Oleh itu, boleh dikatakan Negeri Sembilan mempamerkan secara keseluruhan reka bentuk bumbung panjang yang melentik sedikit bersifat Minangkabau. Reka bentuk atap yang bertingkat seperti pada Rajah 6(a) yang dialas daun rumbia mempunyai rumah yang sama dengan rumah induk, serambi, dapur yang bergabung dengan rumah ibu. Berpanggung serta dikaitkan dengan 12, 16 dan 20, tiang berlantai tinggi dari tanah dan bertangga kayu merupakan imej dan elemen

yang kuat yang diperkatakan sebagai rumah Melayu adat Negeri Sembilan. Menurut Yaakub (1996) rumah Negeri Sembilan, bumbungnya kelihatan sedikit rendah dan lentik sedikit, mempunyai bumbung bertingkat antara atap bumbung rumah ibu dan atap serambi. Lazimnya rumah beranjung bagi rumah ketua-ketua adat dan pembesar-pembesar (Raja Nafida 2007) yang lain mempunyai saiz dan gaya seni bina yang berbeza dan ini dapat dilihat dengan jelas pada ruang serambinya (Rajah 6b).

Reka bentuk bumbung rumah tradisional Negeri Sembilan selain melentik kiri dan kanan sedikit, mempunyai dua kecerunan dan tebar layar di kedua-dua hujung bumbung (Rajah 6a). Rumah bumbung panjang atau rumah perabung panjang merupakan warisan seni bina Melayu tradisional dan reka bentuk terawal. Evolusi bumbung telah berubah dari zaman-ke zaman dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya etnik Melayu mengikut daerah atau kedaerahan. Kedaerahan adalah kehidupan atau cara hidup harian seseorang terhadap komuniti setempat yang di pengaruhi oleh persekitaran atau lingkungan kawasan yang diduduki. Jadual 1 menunjukkan perkaitan adat dan kedaerahan di mana suku, status, kategori dan peletakan rumah tradisional Negeri Sembilan di tanah adat. Adat yang diamalkan oleh suku di tanah adat sedikit sebanyak mempengaruhi rumah yang di diami berbanding dengan rumah yang terdapat di Sumatera Barat. Suku Biduanda merupakan suku asal yang terdapat di Negeri Sembilan (Norhalim 2007). Kajian mendapati pengaruh kedaerahan orang Melayu biasa antara teramai dari suku biduanda dan rumah berserambi satu merupakan reka bentuk rumah tradisional. Ini membuktikan bahawa masyarakat dan suku asal telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional di Negeri Sembilan. Kehidupan orang Melayu terhadap persekitaran sentiasa bertindak balas dengan meminda, mengubah dan memperbaiki melalui adaptasi agar bersesuaian (Zulkifli 1985). Keperluan ruang bagi kehidupan harian orang Melayu telah menambahkan serambi hujung atau pangkal dan juga anjung pada reka bentuk rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan.




**Rajah 4** Rumah gonjong atau "rumah bagonjong" (rumah bergonjong), kerana bentuk atapnya yang bergonjong runcing menjulang.




**Rajah 5** Rumah tradisional, Kg. Lipat Kain, Kampar Kiri mengalami evolusi reka bentuk rumah Minangkabau.





(a) Reka bentuk serambi: gaya dan saiz serambi



(b) Reka bentuk rumah yang beranjung


**Rajah 6** Reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan mengikut adat dan kedaerahan – Reka bentuk dua serambi dan reka bentuk berserambi dua beranjung bagi yang berstatus melakukan aktiviti adat.

**Jadual 1** Pengaruh adat dan kedaerahan melalui suku, status, kategori rumah dan peletakan rumah tradisional di tanah adat

Suku	Bil	%	Status	Bil	%	Kategori	Bil	%	Tanah adat	Bil	%
Biduanda	58	61.1	Biasa	86	90.5	1 Serambi	45	47.3	Ya	94	98.9
Anak Melaka	4	4.2	Berada	7	7.4	1 Serambi dan anjung	37	39	Tidak	1	1.1
Tiga Batu	6	6.3	Bangsawan	2	2.1						
Batu Hampar	1	1.1				2 Serambi	4	4.2			
Paya Kumboh	5	5.3				2 Serambi dan anjung	4	4.2			
Mungkal	16	16.8									
Seri Melenggang	4	4.2				Serambi tengah	5	5.3			
Tanah Datar	1	1.1									
<b>Total</b>	<b>95</b>	<b>100</b>	<b>Total</b>	<b>95</b>	<b>100</b>	<b>Total</b>	<b>95</b>	<b>100</b>	<b>Total</b>	<b>95</b>	<b>100</b>

Reka bentuk rumah Melayu dengan adat tempatan yang dilaksanakan telah mempengaruhi pelan dan aktiviti yang berlaku di dalam ruang yang menyebabkan perkembangan dan pembesaran ruang rumah Melayu melalui status seseorang. Di samping itu, rumah tradisional Melayu sering dikaitkan dengan alam persekitaran iaitu pakej pada rumah tradisional Melayu yang tidak dapat dipisahkan. Oleh sebab itu reka bentuk rumah ini mempunyai serambi hadapan dan anjung serta tingkapnya rendah dari aras lantai agar dapat mengadaptasi persekitaran serta direka untuk paras orang duduk dan bukannya berdiri. Serambi dihiasi ukiran kerawang yang bercorak silang-menyilang. Variasi hiasan ukiran dan ornamennya dipengaruhi oleh agama serta budaya tempatan atau kedaerahan itu sendiri.


Reka bentuk rumah Negeri Sembilan mempunyai beberapa tipologi (Rajah 7) seperti rumah serambi satu, rumah serambi satu dan beranjung dan serambi dua beranjung seperti dalam (Rajah 8). Menurut Raja Nafida (2007) reka bentuk rumah Negeri Sembilan adalah



**Rajah 7** Reka bentuk rumah tradisional yang banyak terdapat pada daerah Rembau.

mengikut ruang serambi di mana serambi yang dekat dengan tangga dipanggil serambi pangkal dan serambi yang jauh dengan tangga dipanggil serambi hujung. "*Pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu*". Reka bentuk pelan lantai, tingkap dan gerbang pada rumah itu jelas menampakkan prinsip reka bentuk berdasarkan fungsi. Budaya dan adat serta aktiviti semasa penghuninya menjadi tunjang kepada reka bentuk pelan lantainya. (Kamarul Afizi & Ibrahim 2007). Rumah ibu mempunyai ruang yang terluas dan tertinggi. Terdapat bilik di rumah ibu dan tangga menghala ke loteng. Loteng ini mengambil lebih ketinggian dan tingkat atap yang diberi ruang oleh struktur rumah ini. Rumah ibu

bersifat terbuka dan disambung ke rumah dapur melalui pintu yang menghala ke selang. Selang tidak berdinging dan merupakan pelantar kepada sebahagian fungsi dapur. Ianya berperanan sebagai ruang bagi kaum perempuan untuk bersembang. Pengasingan dan ruang privasi lelaki dan perempuan dapat dilihat dalam ruang rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan.



**Rajah 8** Pengaruh adat dan kedaerahan melalui reka bentuk rumah Minangkabau dengan tradisional Negeri Sembilan mengikut perkembangan dan evolusinya.

Rumah tradisional Negeri Sembilan telah dikenal pasti evolusinya pada bumbung yang bergonjong atau reka bentuk bumbung panjang yang mempunyai lentik yang bervariasi. Ia melambangkan keunikan masyarakat adat perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Negeri Sembilan. Rumah Melayu tradisional adalah warisan orang Melayu dan merupakan salah satu keperluan asas dalam kehidupan orang Melayu. Reka bentuk rumah Melayu tradisional banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran, cara hidup, taraf ekonomi, keadaan iklim dan sebagainya yang dikenali sebagai kedaerahan. Rumah awal yang dibina di Minangkabau sedikit sebanyak telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan. Pengaruh seni bina yang berlaku pada rumah dan kediaman masyarakat di Negeri Sembilan telah bermula dengan kedatangan perantau dari Sumatera hinggalah sampai ke Negeri Sembilan adalah dipengaruhi oleh faktor adat dan kedaerahan yang menyebabkan terbentuknya identiti yang unik dan tersendiri.

## **KESIMPULAN**

Reka bentuk rumah di Negeri Sembilan telah mengalami perubahan atau evolusi yang dipengaruhi oleh adat iaitu adat perpatih yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera. Penghijrahan orang-orang Minangkabau telah membawa adat dan budayanya ke Negeri Sembilan walaupun reka bentuk rumah awal di Negeri Sembilan telah wujud. Apabila seseorang berhijrah atau merantau dari tempat asal usulnya, mereka membawa budaya, adat yang diamalkan di tempat yang baru, kehidupan mereka atau kedaerahan yang ada pada sekelilingnya telah berubah dan berlakunya evolusi. Berpindah atau penghijrahan dari sebuah lokasi geografi yang satu kepada yang lain telah mengubah kehidupan. Perubahan reka bentuk rumah tradisional telah berlaku mengikut sejarah, budaya, sosial dan juga kedaerahan sesuatu tempat tersebut. Tempias perubahan reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan berlaku dari Tanah Minangkabau ke Kampar-Siak dan hinggalah ke Negeri Sembilan. Evolusi

reka bentuk ini akan dapat memberi penjelasan bahawa adat dan persekitaran daerah atau kawasan telah mempengaruhi rumah tradisional Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, rumah tradisional Negeri Sembilan mempunyai ciri-ciri keunikan tersendiri apabila seni binanya sering dikaitkan dengan adat perpatih bersistemkan kekerabatan matrilineal. Reka bentuk ini dapat memberi kesejahteraan dan keharmonian setiap individu, kekeluargaan dan kemasyarakatan. Keseragaman reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan dapat dilihat di mana-mana, tidak terjadi secara kebetulan tetapi dirancang dan difahami menerusi sudut pandang yang mempunyai falsafah yang serupa.

Oleh itu, warisan dan imej adalah gambaran berkaitan pembentukan sesuatu rupa muka dan reka bentuk rumah tradisional. Faktor kedaerahan atau faktor alam sekeliling telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk reka bentuk rumah selain dari pengaruh kedudukan sosial dan adat istiadat. Seni bina rumah Melayu tradisi telah dicipta dan dibangunkan oleh orang Melayu daripada modul yang mudah sehinggalah kepada kesempurnaan dan keselesaan ini dapat dilihat dari zaman ke zaman, generasi ke generasi dengan penyesuaian kepada kehendak, budaya dan persekitarannya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Nasir. 1996. *The traditional Malay house*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Hajeedar Abdul Majid. 2014. Penerapan identiti seni bina Negeri Sembilan dalam arus perkembangan seni bina moden. Simposium Antarabangsa Muafakat Minang: Sejarah, Budaya, Teknologi & Senibina, 98. Johor: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu.
- Ibrahim. 2012. *Tambo alam Minangkabau: Tatanan adat warisan nenek moyang orang Minang*. Bukit Tinggi: Kristal Multimedia.

- Kosman K. A. and Nik Lukman Nik Ibrahim. 2007. Identiti seni bina Malaysia: Masalah dan penyelesaiannya. *Sari* 25: 279–290.
- Norhalim Ibrahim. 2007. Sejarah kewujudan adat perpatih. *Adat Perpatih-Esei Pilihan*, 1–24. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara. [heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250](http://heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250).
- \_\_\_\_\_. 1997. Peranan kepimpinan dalam adat perpatih. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan* 8–42.
- \_\_\_\_\_. 1993. Adat Negeri Sembilan melalui masa. *Warisan*, 17: 7–51.
- \_\_\_\_\_. 1988. Sistem masyarakat Negeri Sembilan. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*, 13: 50–62.
- Mochtar Naim. 2014. *Minangkabau dan dunia Melayu* : Simposium Antarabangsa Muafakat Minang: Sejarah, Budaya, Teknologi & Senibina, 1–8. Johor: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu.
- Mastor Surat, Rosdan Abdul Manan and Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2007. *Krisis profesion senibina – profesionalisme etika & halatuju*. Serendah, Selangor: Saahifah Global Resources.
- Mastor Surat, H. Othman and A. R. Musa. 2009. *Pendekatan dasar pemikiran senibina warisan Melayu bagi mendapatkan keselesaan hawa serta penyelesaian masalah iklim dan persekitaran dalam senibina masa kini*. Prosiding Simposium Alam Bina Serantau 2009, FKAB, UKM.
- Rais Yatim. 2007. *Adat perpatih common law equity suatu perbandingan. Adat perpatih: Esei Pilihan*. 25–63. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara. [heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250](http://heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250).

- Raja Nafida Raja Shahminan. 2007. *Senibina rumah bumbung panjang Negeri Sembilan. Adat Perpatih - Esei Pilihan*, 191–197. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara. [heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250](http://heritage.gov.my/index.php/ms/penerbitan/buku-terbitan-jwn/250).
- Sudirman Is. 2000. *Kajian nilai-nilai budaya pada ekspresi tata ruang dalam rumah Adat Minangkabau: Kes kajian: Luhak Tanah Datar Sumatera Barat*. Tesis diss., Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Sudirman Ismael. 2007. *Arsitektur traditional Minangkabau, nilai-nilai budaya dalam arsitektur rumah adat*. Padang: Bung Hatta University Press.
- Syamsul Asri. 2004. *Prinsip-prinsip pembinaan rumah Adat Minangkabau*. Tesis diss., Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Yaakub Idrus. 1996. *Rumah tradisional Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Zulkifli Hanafi. 1985. *Kompedium sejarah seni bina Timur*. Penang: Universiti Sains Malaysia.